

Karnival Pekerja OKU tingkat kesedaran

IPOH – Karnival Pekerjaan (Job Fair) Bagi Orang Kurang Upaya (OKU) Zon Utara yang akan diadakan bulan depan merupakan antara platform terbaik dalam meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai hak OKU untuk bekerja seterusnya menyumbang kepada pembangunan negara.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani Abdul Karim berkata, program itu juga dapat mengumpul profil maklumat pencari kerja OKU di seluruh negara untuk pemadanan dengan peker-

jaan yang sesuai.

“Usaha ini juga diharap membuka lebih banyak peluang pekerjaan dan akan menjadi platform yang merupakan jambatan penghubung antara majikan dan OKU,” katanya ketika berucap merasmikan prapelancaran Job Fair OKU Zon Utara 2017 di sini semalam.

Karnival pekerjaan sehari yang akan disertai lebih 20 majikan terdiri daripada syarikat dan pasar raya itu akan diadakan di Mydin Mall, Meru, di sini pada 13 Mei ini.